

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH 15 MAC 2016

8580

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan kad pengenalan yang hilang sejak tahun 2000 hingga 2015 mengikut kategori bangsa dan jantina dan berapakah nilai pungutan denda yang dipungut oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah MyKad hilang dalam tempoh 2007 sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 3,767,472. Perincian kehilangan MyKad mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Melayu	Cina	India	Lain-Lain	
2,045,575	922,890	425,745	392,272	3,767,472
Lelaki	Perempuan			
128,096	1,639,376		3,767,472	

Manakala perincian kehilangan MyKad mengikut jantina adalah seperti mana berikut:-
2,

Pungutan kutipan fi daripada permohonan MyKad hilang atas sebab kecuiaan juga bagi tempoh yang tersebut adalah sebanyak RM226,387,621.00.

Perlu diberikan perhatian bahawa berdasarkan Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990, setiap orang yang dikeluarkan kad pengenalan adalah bertanggungjawab

untuk menjaga kad pengenalan tersebut dan hendaklah memastikan ianya berada dalam keadaan yang baik. Mengambil kira bahawa kadar kehilangan kad pengenalan yang tinggi telah memberi implikasi keselamatan dan bagi membendung perkara ini, maka Kerajaan telah memperkemas dan menambahbaik prosedur permohonan kad pengenalan hilang bermula daripada 15 Oktober 2015 yang melibatkan perkara-perkara berikut:-

- 1. Bagi permohonan gantian hilang kad pengenalan kali kedua dan seterusnya, pemohon hendaklah mengemukakan laporan polis mengenai kehilangan kad pengenalan tersebut;**
- 2. Permohonan gantian hilang kad pengenalan kali ketiga dan seterusnya akan disiasat bagi suatu tempoh sebelum kad pengenalan gantian dikeluarkan sehingga Pegawai Pendaftaran berpuas hati bahawa perakuan kehilangan itu adalah tulen dan tiada unsur penyelewengan atau jenayah; dan**
- 3. Semua permohonan gantian hilang kad pengenalan hanya akan dikeluarkan Dokumen Pengenalan Sementara.**

Selain daripada itu, pihak Kerajaan juga telah menaikkan kadar fi bagi kehilangan kad pengenalan dengan melibatkan pindaan kepada Jadual Keenam, Peraturan 19(1), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Kadar fi yang baharu ialah:-

- 1. Kehilangan kali pertama - kadar fi RM100.00,**
- 2. Kehilangan kali kedua - kadar fi RM300.00; dan**
- 3. Kehilangan kali ketiga dan seterusnya - kadar fi RM1,000.00.**

Pelaksanaan kadar fi baharu ini tidak mengambil kira sejarah kehilangan kad pengenalan yang lepas dengan kata lain kadar kehilangan semua pemohon telah dikosongkan atau *reset* kepada kosong (dengan izin *zerorized*). Sejak pelaksanaan dasar baharu ini, daripada 15 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2015 sebanyak 90,079 orang telah hilang MyKad satu (1) kali, 202 orang telah hilang dua (2) kali dan 01 orang telah hilang tiga (3) kali.

